



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Strategi licik sekelompok penjenayah yang dengan berani dan nekad bertindak menyamar sebagai anggota penguat kuasa untuk melakukan pelbagai aktiviti jenayah dilihat mula membimbangkan masyarakat. Kumpulan ini sering kali menyamar sebagai pegawai polis atau penguat kuasa agensi yang sensitif sehingga mampu memperdaya mangsa terutama yang terdesak untuk pelbagai tujuan yang tidak betul.

Antara kes terbaru adalah membabitkan lima lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman selepas mereka didapati memeras ugut seorang ahli perniagaan di Pulau Tikus. Penjenayah ini dikatakan menyamar dan cuba mendapatkan wang RM30,000 daripada mangsa. Apa yang pasti ini bukan kes pertama seumpama ini yang dilaporkan di negara ini kerana sudah banyak kali kita didedahkan dengan kes penipuan identiti dan penyamaran seperti ini. Ada yang berjaya ditangkap seperti dalam kes ini dan ramai juga yang masih bebas dan belum berjaya ditangkap. Antara yang pernah kita dengar sebelum ini membabitkan penyamaran sebagai pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk menipu mangsa berhubung perolehan lesen perniagaan, menyamar sebagai penguat kuasa Jabatan Imigresen dan meminta sejumlah wang daripada majikan yang menggaji pekerja asing bagi mengelak premis mereka diperiksa serta penyamaran sebagai penguat kuasa jabatan agama dan merogol mangsa yang 'ditangkap'.

Ironinya modus operandi mereka kelihatan cukup hebat dan dirancang dengan begitu baik sekali. Misalnya mereka berjaya membuat kad kuasa palsu mirip seperti kad kuasa asal, memiliki gari, peluru, pakaian seragam mahupun senjata yang membolehkan mereka

dengan yakin dan mudah memperdaya mangsa dan sasaran mereka. Kebiasaannya mangsa yang ketakutan akan mula rasa tertekan dan terdesak sehingga akhirnya mengikuti segala arahan dan permintaan mereka. Kebanyakan daripada kes seperti ini membabitkan penyamaran sebagai pegawai polis untuk memeras ugut meminta wang dengan alasan akan membantu melepaskan mereka.

Jadi persoalan utama di sini bagaimana orang awam termasuk kumpulan penjenayah seperti ini dengan mudahnya memperoleh barangan yang digunakan oleh pihak berkuasa seperti polis? Apakah mana-mana individu di negara ini bebas membeli dan memiliki gari dan senjata serta boleh memakai pakaian seragam? Timbul tanda tanya di mana proses kawalan terhadap item seperti ini sehingga mengelirukan masyarakat. Dalam kes terbaru yang membabitkan lima orang penjenayah ini misalnya bagaimana ejen tarik kereta, ejen insurans, buruh, juruelektrik serta tukang paip mampu menyamar menggunakan barangan yang biasa digunakan oleh pegawai polis? Bayangkan mereka dapat menyamar dan memperdaya mangsa dengan begitu mudah sekali sebagai pegawai polis dari Bukit Aman.

Jelas kejadian ini membuktikan tahap kawalan terhadap barangan sensitif di negara kita pada ketika ini kelihatan agak longgar dan lemah. Justeru kita harap pihak berkuasa bertindak dengan segera. Jika didapati senjata mudah diperolehi pastikan aktiviti sindiket penyeludupan terutamanya dari negara jiran dapat dibanteras dengan efisien dan menyeluruh. Untuk itu, pertingkatkan proses kawalan di sempadan negara baik darat mahupun laut supaya kita dapat mematahkan aktiviti penyeludupan secara menyeluruh. Dan kita juga wajar menyekat penjualan barangan lain seperti vest, pakaian seragam mahupun gari secara terbuka tanpa sebarang kawalan. Elok disekat sama sekali penjualan barangan seperti ini dengan menjadikannya sebagai barang kawalan. Barangan ini sewajarnya diperuntukkan khusus untuk anggota penguatkuasa yang layak dan



PAKAIAN seragam polis palsu yang dirampas daripada suspek.

Peliharalah imej polis, penguat kuasa

dilantik sahaja serta pengeluarannya pula boleh dihadkan kepada beberapa orang pengeluar yang terpilih sahaja. Hakikatnya pada hari ini kita dapat lihat vest mahupun pakaian seragam dijual di merata tempat secara berleluasa dan membolehkan siapa saja mampu membelinya. Justeru elok dimantapkan lagi undang-undang yang ada supaya penjual dan pemilik dikenakan hukuman yang setimpal.

Dalam konteks ini pihak berkuasa juga perlu meningkatkan aktiviti berbentuk kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai. Misalnya pihak polis perlu mengadakan kempen kesedaran dan kefahaman

supaya orang awam mampu mengetahui cara dan kaedah untuk menentukan kesahihan dan ketulinan identiti pegawai penguat kuasa. Ringkasnya ajarlah masyarakat cara-cara untuk mengenalpasti dan membezakan antara identiti yang betul dan palsu supaya

kita boleh lebih berhati-hati apabila ada orang mengaku sebagai polis ataupun pegawai penguat kuasa yang lain.

Kita perlu sedar betapa kegiatan licik penjenayah seperti ini mula meninggalkan pelbagai kesan buruk dan negatif. Antara

kesan yang paling ketara ialah imej dan nama baik pasukan penguat kuasa yang terabai terjejas teruk. Misalnya dalam kes seperti ini pasukan polis akan menerima tempiasnya. Akan timbul persepsi seolah-olah pegawai polis menyalah guna kuasa, memeras ugut dan meminta rasuah padahal yang melakukannya adalah penjenayah yang menyamar sebagai pegawai polis. Begitu

juga halnya dengan imej agensi penguatkuasaan yang lain.

Kesan kepada keselamatan orang awam juga mula merisaukan. Dengan adanya aktiviti penyamaran ini masyarakat mula bimbang dengan tahap keselamatan mereka di samping mencetuskan rasa was-was terhadap agensi penguatkuasaan. Kerisauan masyarakat ada asasnya kerana kes yang

didedahkan selama ini membuktikan orang awam terus menjadi mangsa keadaan sindiket penyamaran seperti ini. Ada yang terpaksa kehilangan harta dan wang ringgit, ada yang diugut malah dicerderakan serta ada wanita pula yang telah menjadi mangsa rogol. Maka apa yang diharapkan pihak berkuasa segera mengambil tindakan yang sewajarnya untuk tangani isu ini seterusnya memelihara nama baik dan imej pasukan penguat kuasa di negara ini. Kita tidak boleh membiarkan sindiket penyamaran seperti ini terus berleluasa dan menjadi ancaman kepada negara dan juga masyarakat.